

03/09/2001

Tabung pertingkat pendidikan Melayu ditubuh

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Ahad - Kongres Pendidikan Melayu yang berakhir hari ini, bersetuju menubuhkan Tabung Pendidikan dan Pembangunan Melayu untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan orang Melayu.

Dalam Deklarasi Putra yang dikeluarkan petang ini, kongres itu turut menubuhkan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Melayu serta sebuah persatuan bagi memantau dan meningkatkan kecemerlangan pendidikan Melayu.

Deklarasi itu diluluskan sebulat suara pada kongres bertema Ke Arah Mengangkat Martabat Melayu, yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Kongres anjuran bersama Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Kumpulan Melayu Prihatin itu, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Pengerusi Kongres Pendidikan Melayu, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata penubuhan tabung itu bukan untuk bersaing dengan mana-mana organisasi, tetapi bagi melengkapi dan mengukuhkan setiap organisasi Melayu.

Katanya, orang Melayu tentu tidak mahu lagi mendengar keluhan bahawa anak mereka pandai, tetapi tidak mampu belajar ke tahap tinggi kerana tiada wang dan organisasi yang prihatin serta mampu membantu.

Beliau berkata, penubuhan persatuan, tabung dan institusi itu adalah cadangan konkrit yang mampu menjadi titik tolak kebangkitan orang Melayu.

"Kebangkitan itu bukan saja dalam bidang pendidikan, tetapi dalam semua aspek berkaitan orang Melayu.

"Tak guna negara kita sampai ke tahap yang paling cemerlang dalam pendidikan, tetapi anak kita sudah tidak kenal bahasanya, tak kenal budaya," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan setiap keluarga Melayu menyumbang RM10 sebulan atau RM120 setahun.

"Bayangkan berapa banyak yang mampu kita kumpul untuk pendidikan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata, tabungan untuk pendidikan anak sepatutnya sudah menjadi kemestian dan tabiat setiap keluarga Melayu.

"Saya percaya jika setiap dari kita berkorban kerana pendidikan adalah satu jihad, kita mampu mengumpul berjuta ringgit," katanya ketika menutup kongres itu, petang ini.

Sebanyak enam kertas kerja dibentangkan tokoh akademik pada kongres itu, termasuk mengenai Dasar dan Pelaksanaan Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, Pendidikan Agama Untuk Pembangunan Insan, Prestasi Pelajar Melayu/Bumiputera Di Peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Institusi Pendidikan Tinggi.

Turut dibentangkan ialah kertas kerja mengenai Pendidikan Vokasional dan Teknikal Untuk Melahirkan Tenaga Kerja Mahir dan Separa Mahir, Pendidikan Tinggi Dalam Melahirkan Sumber Tenaga Manusia dan Memartabatkan Profesion Perguruan.

(END)